

16 MAR 2002

Mahathir-Sukhoi (Bergambar)/I

MALAYSIA TIMBANG BELI PESAWAT SUKHOI S-30, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 16 Mac (Bernama) -- Selepas menyaksikan sendiri prestasi jet pejuang Sukhoi SU-30, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan membuat pertimbangan untuk membeli jet pejuang canggih buatan Rusia itu.

Perdana Menteri yang menyaksikan demonstrasi keupayaan pesawat itu semalam berkata ia "sangat mengagumkan".

"Saya mengakui yang prestasinya sangat mengagumkan dan sudah pasti kita akan mempertimbangkan untuk membeli Sukhoi versi ini apabila kita membincangkan alternatif yang terdapat bagi kita," kata beliau dalam sidang media di sini sebelum berlepas ke Stuttgart, Jerman selepas lawatan rasmi tiga hari ke Russia.

"Jika kita memutuskan untuk membeli Sukhoi, kita boleh menjangka program perimbangan termasuk penyertaan dalam ujian dan juga modifikasi mengikut keperluan kita," kata beliau.

Malaysia juga mahu mengambil bahagian dalam memasang pesawat itu, katanya.

Kemungkinan Malaysia memperoleh beberapa pesawat tentera dari Russia merupakan antara topik yang dibangkitkan dalam perbincangan dengan Presiden Russia, Vladimir Putin di Kremlin pada Rabu.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan akan meneliti kemampuan pesawat SU-30 itu daripada segi teknikal dan tawaran komersilnya dalam membuat keputusan untuk membelinya.

"Kita telah menghantar satu pasukan penilai yang telah membuat ujian pesawat ini di Russia akhir bulan lepas dan mereka telah menyediakan laporan kepada Kementerian Pertahanan," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri.

Selain pesawat SU-30 itu, kerajaan juga menerima tawaran dari Amerika Syarikat untuk membeli pesawat Super Hornet, katanya.

Kerjasama pertahanan Malaysia-Rusia dalam meningkatkan persenjataan untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bermula pada tahun 1994 dengan pembelian 18 buah jet pejuang MIG-29.

Najib berkata kerajaan telah memutuskan untuk membeli Igla, sejenis peluru berpandu kecil anti pesawat terbang

Kontrak pembelian yang bernilai kira-kira AS\$50 juta (RM180 juta) dijangka ditandatangani tidak lama lagi, katanya.

Menurut beliau, rundingan juga sedang dijalankan untuk pembelian 10 unit helikopter utiliti MI-17 dari Russia untuk keperluan Kor Udara Tentera Darat.

Helikopter itu yang dijangka diperolehi tidak lama lagi akan melengkapkan peranan pesawat Nuri yang digunakan sekarang ini, katanya.

"Kita perlu meningkatkan kemampuan ATM dari semasa ke semasa agar tidak ketinggalan daripada segi kelengkapan," katanya.

"Ini juga untuk memberi keyakinan kepada rakyat dan dunia bahawa kita mempunyai kemampuan pertahanan yang perlu diambilkira oleh mana-mana pihak terutama mereka yang kemungkinan mempunyai niat jahat terhadap negara kita," katanya.

-- BERNAMA

AZZ HS PR